

24/01/1998

Murtad: Kerajaan digesa guna ISA

KOTA BHARU, Jumaat - Kerajaan digesa menggunakan peruntukan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dalam menyelesaikan isu seorang gadis Melayu yang mengisytiharkan dirinya murtad dan memeluk Kristian.

Setiausaha Dewan Pemuda Pas Negeri Kelantan (DPPNK), Takiyuddin Hassan, berkata langkah itu perlu bagi membendung gejala berkenaan daripada berleluasa dan menggugat akidah umat Islam di negara ini.

Beliau berkata, mereka yang terbabit dalam proses memurtadkan Nor Aishah Bokhari, 25, boleh dianggap melakukan tindakan menghasut dan menimbulkan provokasi di kalangan umat Islam.

"Ini boleh mencetuskan ketegangan, keadaan tidak tenteram dan mewujudkan suasana yang boleh mengancam keharmonian kaum serta agama di Malaysia.

"Menerusi tindakan itu, mereka melakukan kesalahan mengikut Seksyen 298A Kanun Keseksaan iaitu menggunakan agama hingga mewujudkan tidak harmoni, perpecahan, permusuhan, kebencian dan sikap prejudis di kalangan rakyat berbilang kaum di Malaysia," katanya dalam kenyataan kepada Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dikeluarkan di sini, hari ini.

Menurutnya, kes Nor Aishah adalah tindakan yang secara jelas mencabuli peruntukan undang-undang bagi menjamin kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara ini.

Nor Aishah mengakui memeluk Kristian mazhab Katolik dan dikata mengikrarkan surat akuan di hadapan seorang Pesuruhjaya Sumpah pada 22 Oktober 1997.

Beliau yang kini menggunakan nama Aishah Felicia Bokhari, turut menarik balik permohonan habeas corpus di Mahkamah Tinggi, di sini terhadap bapa dan keluarganya yang didakwa mengurung serta menahannya secara paksa.

Takiyuddin berkata, DPPNK yakin Nor Aishah diletakkan dalam tekanan fizikal dan mental oleh pihak yang ingin memurtadkannya.

(END)